

**APLIKASI FIQH AL-'AWLAWIYYAH DALAM PENGURUSAN DAKWAH
PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA KAWASAN KAJANG
APPLICATION OF FIQH AL-'AWLAWIYYAH IN DA'WAH MANAGEMENT
OF PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA KAJANG BRANCH**Nur Bakri Abd Hamid¹¹ Pensyarah, Universiti Cyberjaya, nurbakri@cyberjaya.edu.my

Artikel diterima: 7 Okt. 2020

| Selepas Pembedaan: 14 Okt. 2020

| Diterima untuk terbit: 23 Nov. 2020

Abstrak

Kajian tentang konsep fiqh al-'Awwaliyyah telah menjadi perhatian Sarjana-Sarjana Islam dan para pendakwah. Setelah konsep fiqh al-'Awwaliyyah dimurnikan oleh Yusuf al-Qaradawi, kajian dan perbincangan aplikasinya semakin meluas. Taburan kajian dan aplikasi ini, merangkumi pengurusan rumahtangga ahli dan pengurusan kewangan. Kajian ini menumpukan kepada naratif fiqh al-'Awwaliyyah dan aplikasinya yang diusahakan oleh Pertubuhan IKRAM Malaysia cawangan Kajang. Justeru, objektif kajian ini ialah mengkaji konsep fiqh al-'Awwaliyyah dalam perspektif Islam dan kefahamannya dari kalangan aktivis IKRAM. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kajian kes ke atas Pertubuhan IKRAM Malaysia cawangan Kajang yang juga disertakan dengan kajian perpustakaan yang bersandarkan kepada dua rujukan utama, al-Quran dan hadis Rasulullah SAW dan akhir sekali kajian ini menggunakan temubual untuk mendapat sorotan maklumat di lapangan. Ianya juga membincangkan pendekatan dakwah yang dijalankan dan kajian ini juga menganalisis aplikasi fiqh al-'Awwaliyyah dalam pendekatan IKRAM Kajang. Hasil kajian mendapati, visi dan misi IKRAM selaras dengan fiqh al-Wāqī' di Malaysia dan sejajar dengan naratif fiqh al-'Awwaliyyah dalam ciri-ciri Negara Rahmah. Pengaplikasian fiqh al-'Awwaliyyah yang dilaksanakan pada pengurusan kebajikan ahli dan pengurusan kewangan berupaya menghasilkan objektif maqāṣid al-Sharīyah yang hendak dituju.

Kata kunci

Fiqh al-'Awwaliyyah, Dakwah, Tarbiah, Pengurusan, IKRAM

Abstract

The study of the concept of fiqh al-'Awwaliyyah has been the concern of Islamic Scholars and preachers. After the concept of fiqh al-'Awwaliyyah was refined by Yusuf al-Qaradawi, the study and discussion of its application became more widespread. The distribution of these studies and applications, includes member household management and financial management. This study focuses on the narrative of fiqh al-'Awwaliyyah and its application undertaken by Pertubuhan IKRAM Malaysia Kajang branch. Thus, the objective of this study is to study the concept of fiqh al-'Awwaliyyah in an Islamic perspective and its understanding among IKRAM activists. The methodology of this study is in the form of a case study on Pertubuhan IKRAM Malaysia Kajang branch which is also accompanied by a library research based on two main references, al-Qur'an and ḥadīth of the Prophet (pbu) and finally this study uses interviews to get information highlights in the field. It also discusses the da'wah approach carried out and this study also analyzes the application of fiqh al-'Awwaliyyah in the IKRAM Kajang approach. The results of the study found that the vision and mission of IKRAM is in line with fiqh al-Wāqī' in Malaysia and in line with the narrative of fiqh al-'Awwaliyyah in

the characteristics of Negara Rahmah. The application of fiqh al-'Awwaliyyah implemented on member welfare management and financial management is able to produce the objectives of maqāsid al-Syarīah to be addressed.

Keywords

Fiqh al-'Awwaliyyah, Dāwah, Tarbiah, Management, IKRAM

1.0 Pengenalan

Secara umum, dakwah adalah seruan kepada Allah SWT dalam menegakkan perintah-perintah-Nya serta menjunjung sunnah dan perjuangan Rasulullah SAW. Lantaran objektif dakwah adalah untuk merealisasikan objektif syariat (al-maqāsid al-Syarīah) agar ianya diterapkan di dalam setiap hidup manusia. Perbincangan pokok al-maqāsid al-Syarīah yang diperkenalkan oleh Syatibi adalah melihat kepada masalah-masalah yang digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Dan masalah ini dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu ḍaruriyyah (keperluan penting dan utama), ḥajiyah (keperluan penting bukan utama) dan taḥsiniyyah (perkara tambahan).

Al-Syatibi juga menyatakan, “beban-beban syariat kembali pada penjagaan tujuan-tujuannya pada makhluk. Maqāsid ini tidak lebih dari tiga macam; ḍaruriyyah, ḥajiyah dan taḥsiniyyah.” Selanjut dia menyatakan bahawa Allah SWT sebagai syārī memiliki tujuan dalam setiap penentuan hukum-Nya, iaitu untuk kemaslahatan kehidupan manusia di dunia dan akhirat (al-Badawi, 1999: 46). Ḍaruriyyah adalah tahap yang paling utama dan terpenting. Apabila tahap ini tidak disempurnakan, maka akan terancam kemaslahatan umat manusia baik di dunia dan juga di akhirat. Menurut al-Syatibi, terdapat lima perkara yang dirangkumkan dalam tahap ini iaitu, memelihara agama (al-din), memelihara jiwa (al-nafs), memelihara akal (al-ʿaql), memelihara kehormatan dan keturunan (al-nasab) serta memelihara harta (al-māl).

Kerana dakwah adalah elemen untuk menyempurnakan ḍaruriyyah setiap insan, maka pendekatan dakwah tidak boleh lari daripada pengamatan yang mendalam dalam kefahaman fiqh. Khususnya dalam usaha dan pendekatan dakwah demi mencapai kemaslahatan dan menghindarkan kerosakan, al-Qaradawi (2015) menjelaskan fiqh syarak dan fiqh al-Wāqī' (fiqh realiti) mesti disepadukan dan saling menyempurnakan sehingga dapat mencapai hasil pertimbangan yang ilmiah dan tepat, terhindar daripada melampaui batas dan juga meringankan. Dan daripada fiqh yang disebut juga adalah fiqh al-Muwāzanah (fiqh mempertimbangkan) di mana sesuatu situasi itu dipertimbangkan antara sesetengah masalah dengan sesetengah masalah yang lainnya, ditinjau dari segi kebesaran dan kelapangannya, kedalaman dan kesannya, kekekalan dan kesinambungannya. Begitu juga mempertimbangkan sesetengah mafsadah (kerosakan) dengan sesetengah yang lain. Dan akhirnya mempertimbangkan antara masalah dan mafsadah apabila keduanya bertembung. Dan daripadanya terbitlah fiqh al-'Awwaliyyah (fiqh keutamaan). Fiqh al-'Awwaliyyah sangat berkait rapat dengan fiqh al-Muwāzanah, bahkan dalam bidang-bidang tertentu kedua-duanya bercampur (al-Qaradawi, 2015).

Kepentingan fiqh al-'Awwaliyyah termasuk dalam peranan Nabi Muhammad SAW berdakwah kepada ahli keluarganya, kaum kerabat, sahabat dan kenalan yang terdekat demikian seterusnya sehingga ke seluruh tanah Arab dan kemudian

terbuka wilayah Islam di tanah-tanah jajahan Rom dan Parsi sehingga mencapai dua pertiga daripada dunia. Kerana fiqh al-'Awwaliyyah juga menjaga keseimbangan antara amalan-amalan dengan arahan-arahan syariat sepertimana urusan akidah lebih utama daripada amal-amal yang lain dan begitu seterusnya tanpa amalan yang menjadi asas kepada pembinaan sebuah bangunan. Kisah masyhur Abdullah bin al-Mubarak yang ketika itu berada di medan jihad telah menulis surat kepada sahabatnya yang zuhud di menetap di antara dua tanah haram, Fudhail bin Iyadh, dalam tulisannya; "Wahai seorang hamba yang taat beribadah antara al-Haramain. Sekiranya engkau menyaksikan kami, engkau akan tersedar bahawa ibadah yang engkau lakukan hanyalah ibarat permainan. Wahai orang yang basah pipinya dengan cucuran air mata, sesungguhnya pipi kami basah bersimbah darah..."

1.1 Pengenalan Pertubuhan IKRAM Malaysia

Pertubuhan IKRAM Malaysia, IKRAM telah genap 10 tahun penubuhannya pada 22 Oktober 2009. Muhammad Haikal (2018), menjelaskan IKRAM mengajak dan membimbing masyarakat memahami, menerima dan menghayati Islam sebagai panduan dalam kehidupan peribadi, keluarga, masyarakat dan negara, berjuang membangun sebuah masyarakat maju berasaskan manhaj ṭaḥyir (prinsip perubahan) yang tepat, tasawur Islam yang syumul dan tarbiah yang mantap dengan memanfaatkan teknologi dan amalan terbaik pengurusan dan membudayakan pendekatan perkongsian dan permuafakatan. Justeru kajian ini adalah sebagai satu usaha check and balance dakwah IKRAM yang telah memberi manfaat kepada masyarakat khususnya umat Islam dan bukan Islam umumnya.

1.2 Pengertian Fiqh al-'Awwaliyyah

Menurut al-Mawrid Al-Quarib (Baalbaki, 2008), perkataan fiqh berasal dari (فَقِهَ) yang membawa maksud untuk memahami atau untuk mengetahui. (فَقِهَ) bermaksud pembawakan, fahaman atau doktrin. Manakala (أُولَوِيَّة) bermaksud keutamaan atau yang terpenting di suatu waktu. Manakala (فَقِهَ الْأُولَوِيَّة) membawa maksud fahaman keutamaan.

Menurut al-Qaradawi (2015), fiqh al-'Awwaliyyah adalah menempatkan perkara yang sesuai dengan urutan kedudukannya, dengan demikian maka tidak boleh mengakhirkkan satu perkara yang semestinya di utamakan, begitu pula mengutamakan satu perkara yang sepatutnya diakhirkkan, tidak boleh mengira kecil satu perkara yang besar, dan tidak boleh membesar-besarkan satu perkara yang kecil.

2.0 Kajian Literatur

Al-Qaradawi (1996) di dalam penulisannya, 'Fiqh al-'Awwaliyyah wa Dirāsah Jadidah fi Ḍau'i al-Qur'an wa sunnah' beliau membincangkan beberapa keadaan semasa seperti masalah kesenian dan hiburan lebih diutamakan daripada urusan berkenaan dengan ilmu pengetahuan dan pendidikan, kegiatan beliau lebih mengutamakan riadah jasmani berbanding daripada intelektual dan fikiran, media massa mengutamakan kehidupan artis dan seniman berbanding kehidupan orang alim dan juga lainnya. Realiti umat yang dibincangkan sebagai contoh untuk membawa kepada analisis fiqh al-'Awwaliyyah dari zaman kemunduran umat Islam

dan menimbulkan kesadaran kepada keperluan ilmu fiqh al-'Awlawiyah dan memahaminya.

Al-Qaradawi (2015) di dalam penulisannya, 'Fiqh Keutamaan: Agenda-Agenda Utama Harakah Islam Pada Masa Yang Akan Datang', penulis membincangkan lebih khusus kepada peranan gerakan Islam berbanding kaedah-kaedah meletakkan keutamaan yang dibincangkan dalam penulisannya sebelum ini. Di dalam penulisan ini, penulis mengetengahkan perbincangan bidang-bidang amal yang patut dikemudi oleh sesebuah gerakan Islam yang diantaranya adalah bidang pendidikan, bidang sosial, bidang ekonomi, bidang jihad, bidang dakwah dan jurnalistik, bidang pemikiran dan ilmiah dan juga pengagihan kepakaran di dalam sesebuah masyarakat. Penulis juga menjelaskan kepentingan gerakan Islam untuk memberi penekanan dan keutamaan kepada penelitian semula masalah masyarakat setempat agar aplikasi fiqh al-'Awlawiyah dapat dikembang dan diperluaskan. Keutamaan juga diberikan kepada pembangunan sosial khususnya dari kalangan anāṣir ṭaghīr (agen perubahan) untuk menggerakkan dakwah. Membangunkan dan memilih calon-calon pemimpin dari kalangan masyarakat terutama dari segi persiapan iman dan pemikiran mereka dan juga mengajak masyarakat kepada arus perdana politik negara (dalam kontek sosio-ekonomi dan sosio-budaya) dan juga kepada situasi antarabangsa khususnya yang melibatkan negara-negara umat Islam agar masyarakat keluar dari zon selesa (comfort zone) dan bangun bersama gerakan Islam mencapai cita-cita Islam yang murni.

Abdul Karim Zaidan (2012) di dalam penulisannya 'al-Madkhal li dirāsāt al-Syarī'ah al-Islāmiyyah', beliau menjelaskan beberapa kaedah kulliyah dalam fiqh Islam yang mengkhususkan kepada fiqh al-'Awlawiyah. Diantaranya adalah kaedah الضرير يزال (Mudarat mesti dihilangkan) yang meletakkan keutamaan sesuatu perkara itu daripada terjadinya kezaliman. Sebagai contoh mencegah wabak penyakit yang merbahaya. Kaedah يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام (Mudarat yang khusus dikekang untuk mencegah mudarat yang umum) yang mengutamakan mudarat umum yang melibatkan masyarakat yang lebih ramai sedangkan mudarat khusus hanya melibatkan sesetengah masyarakat sahaja. Sebagai contoh kerajaan boleh mengawal harga siling sesuatu produk untuk mencegah daripada kerakusan peniaga-peniaga yang ingin mengaut keuntungan dengan membebani masyarakat umum dan kaedah درء المفسد أولى من جلب المنافع (Menolak kerosakan lebih utama daripada mengambil kemanfaatan) menjelaskan bahawa penetapan hukum atau syariat adalah menghindarkan pelbagai mafsadah (kerosakan) dan mendatangkan masalah (kebaikan) kepada manusia. Namun, seharian dalam urusan manusia, akan didatangi kedua-dua unsur ini, maka keutamaannya diberikan kepada menolak mafsadah.

Abdul Rahman al-Mursi (2014) di dalam penulisannya 'Manhāj al-Iṣlāh, Dirasāt fi Rasā'il Imam al-Banna', mengajak kepada ungkapan al-Syahid Imam Hasan al-Banna RHM dalam risalah Dāwatuna, "kami ingin berterus terang kepada umat manusia tentang tujuan kami. Kami memaparkan metodologi dakwah kami. Dakwah kami disampaikan tanpa sedikit keraguan. Ianya lebih jelas daripada matahari, lebih jelas daripada cahaya fajar dan lebih jelas daripada terangnya waktu siang". Penulis juga menjelaskan bahawa dakwah mencakupi seluruh aspek amal dan sifat-sifat

ajaran Islam. Seluruh kebaikan yang didambakan tidak terbatas pada satu sisi sahaja dan juga tidak mengambil satu sifat tanpa sifat yang lain, semuanya saling menampung. Kerana itu keutamaan konsep pembawakan islah perlu dirujuk kepada perjalanan kehidupan Nabi SAW. Setiap inci kehidupan Baginda SAW yang meliputi kebiasaan harian, rutin ibadah, akhlak, pengurusan rumahtangga, pentadbiran dan juga strategi perluasan dakwah melalui dakwah dan jihad itu sendiri. Kemudian melunsi kehidupan para Sahabat RA dan sehingga manhaj para generasi salaf. Penulis juga menjelaskan keutamaan dakwah yang perlu melihat kepada tujuan dan target. Ianya tidak akan jelas tanpa melihat kepada tabiat medan dakwah tersebut dan juga hakikat dengan apa dakwah ini bertarung. Dan juga keutamaan memiliki pengetahuan mengenai berapa besar tentangan yang akan dihadapi agar dakwah dapat diusahakan dengan petunjuk dan pengetahuan. Diantara perbincangan adalah mengenai keutamaan membentuk rumahtangga Muslim. Lelaki yang soleh dan perempuan yang solehah secara bersama-sama membentuk persefahaman yang suci dan jelas daripada kefahaman al-Quran dan al-Sunnah. Darinya terbitlah takaful dan tampung menampung dalam mengusahakan kebaikan untuk Islam. Rumahtangga ataupun keluarga tidak lain adalah batu dari binaan masyarakat yang lebih beragam dan pelbagai. Justeru pembentukan keluarga Muslim adalah dimana fikrah Islam menjadi asas pegangan oleh seluruh ahli keluarganya, menjaga etika dan akhlak Islam di dalam rutin harian keluarga, tepat dalam memilih pasangan dan juga mentarbiah isteri dan anak-anak dengan baik serta dibesarkan dengan prinsip-prinsip Islam.

Abdullah al-Khatib (1995) di dalam penulisannya 'Nazarāt fi Risālah al-Tālim' menghuraikan penulisan al-Banna yang lebih awal di dalam Risālah al-Tālim (dihimpunkan sekali di dalam Majmu'ah al-Rasā'il) dengan menyentap pada satu prinsip yang sangat penting kepada para pendakwah. Penulis menegaskan kepada keutamaan dan kepentingan kefahaman Islam yang sah. Kefahaman yang dipasak kuat, suci dan murni daripada Nabi SAW yang menjamin kesejahteraan manusia sebagai hamba Allah SWT. Ini kerana, Islam tidak akan mampu menjadi akidah utama dan meluas di setiap pelusuk bumi andai kefahamannya kurang, terpesong ataupun terdapat kecacatan dan kesilapan ke atasnya. Ini kerana antara faktor perpecahan berlaku ke atas umat Islam adalah berselisih dalam memahami Islam dan akidah Islamiah. Justeru, penulis mengungkap kata-kata Hasan al-Banna mengenai keutamaan dalam memahami Islam yang sah sebagai usaha menyatukan umat Islam. Al-Banna telah memulakan dengan bab 'al-Fahm' yang menyeluruh di dalam Islam. Kemudian diterangkan mengenai sumber-sumber yang sah kepada fahaman ini iaitu sumber utama al-Quran dan al-Sunnah. Usaha penyatuan umat juga bererti mencantas segala bentuk penyelewengan daripada ajaran Islam yang menyebabkan perpecahan antara orang Islam. Tidak terkecuali melampaui batas dengan mengagung-agungkan para syeikh dan wali. Ini berlaku kerana umat Islam tidak menemui kaedah yang jelas yang dapat memelihara mereka daripada terpesong dan sesat.

3.0 Metodologi Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kajian kes. Kajian ini dilakukan ke atas Pertubuhan IKRAM Malaysia cawangan Kajang, salah satu cawangan daripada Pertubuhan IKRAM Malaysia peringkat negeri Selangor. Antara aspek kajian ini ialah mengkaji fiqh al-'Awlawiyyah dalam agenda utama gerakan dakwah menurut perspektif Islam dalam konteks maqāṣid al-Syarīah dan pelaksanaan IKRAM Kajang dalam menentukan fiqh al-'Awlawiyyah. Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk menganalisis pengaplikasian fiqh al-'Awlawiyyah dalam pendekatan dakwah IKRAM Kajang. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif untuk mencapai objektif kajian. Pendekatan ini berfokus kepada maklumat berkualiti daripada sampel yang kecil.

3.2 Kajian Perpustakaan

Pengkaji membahagikan kajian ini kepada dua bahagian. Pertama, al-Quran dan al-Hadith. Kedua adalah dari penulisan subjek kajian. Sumber al-Quran yang dijadikan rujukan adalah Tafsir Fi Zilalil Qur'an terbitan Pustaka Darul Iman sebagai tafsir utama, Ma'ariful Qur'an terbitan Maktaba Darul Uloom dan Tafsir al-Qur'an al-Azim terbitan Maktabah 'Awlad al-Syeikh lil-Ṭurath. Sumber hadis adalah dari Ṣahih al-Bukhari dan Mukhtaṣar al-Maqāṣid.

Bahagian kedua ialah penulisan tentang subjek kajian. Kajian dan karya penulisan sarjana Islam bagi mendapatkan maklumat berkaitan definisi, konsep, sejarah serta pembangunan fiqh al-'Awlawiyyah menurut perspektif Islam. Antaranya adalah 'Fiqh Al-'Awlawiyyah wa Dirāsah Jadidah fi Dhau'i al-Qur'an wa sunnah', 'Fiqh Keutamaan: Agenda-Agenda Utama Harakah Islam Pada Masa Yang Akan Datang' oleh Yusuf al-Qaradhawi, 'Ar-Raḥiq al-Makhtum' oleh Sofiyurrahman al-Mubarakfuri dan Ṣirah Nabawiyah: 'Kajian Mendalam Manhaj Gerakan Islam Pada Masa Rasulullah SAW' (Fiqhus Ṣirah: Dirasāt Minhajiyah ʿIlmiyah li Ṣiraṭil Mustafa ʿAlaihi Ṣalawatu wassalam) oleh Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buthy.

3.3 Temubual

Temubual membantu pengkaji meneroka dan mendapatkan maklumat secara mendalam. Aktiviti perbualan dan soal jawab adalah khusus kepada tajuk yang ditetapkan dan kandungan soalan yang ingin ditanya. Pengkaji telah mempersiapkan soalan-soalan berkaitan konsep fiqh al-'Awlawiyyah dalam konteks maqāṣid al-Syarīah dan aplikasi fiqh al-'Awlawiyyah dalam pendekatan dakwah IKRAM.

Pengkaji telah memilih seramai tiga orang pimpinan utama IKRAM diperingkat pusat dan tiga orang pimpinan utama diperingkat kawasan Kajang. Antaranya adalah Presiden IKRAM, Modal Insan dan AJK Hal Ehwal Syariah (Kluster Dakwah & Pembangunan Umat), AJK Negeri Selangor (Tarbiah), YDP Kawasan Kajang, Bendahari Kawasan, Mantan AJK Tarbiah Kawasan Kajang dan AJK Kebajikan Kajang.

4.0 Aplikasi Fiqh al-'Awlawiyyah Dalam Pengurusan Dakwah IKRAM Kajang

4.1 Pelaksanaan Kebajikan Isu Rumahtangga Ahli IKRAM

Rumahtangga adalah 'masyarakat kecil' daripada masyarakat umum dalam fokus dakwah dan tarbiah untuk setiap ahli tarbiah IKRAM. Sepertimana yang disenaraikan di dalam ciri-ciri Negara Rahmah yang berkaitan keluarga, IKRAM komited membangunkan masyarakat yang berilmu, berakhlak dan penyayang dan institusi keluarga yang utuh. Begitu juga dalam Misi, IKRAM mengajak dan membimbing masyarakat memahami, menerima dan menghayati Islam sebagai panduan dalam kehidupan peribadi, keluarga, masyarakat dan negara.

Bagi seorang pendakwah, isteri adalah sayap kanannya, pendokong, penyokongnya, tempat mengadu sesama insan dan penasihat baginya. Ketika Nabi SAW menerima wahyu pada kali pertama di Gua Hira', Baginda SAW didatangi Jibrail AS sepertimana Allah SWT berfirman, iaitu:-

أَفْرَأُ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ أَفْرَأُ وَرَبُّكَ
الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

Maksudnya: *“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku;. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.”*

Surah Al-'Alaq (96): 1-5

Perjumpaan dengan Jibrail AS membuat Nabi SAW sangat takut dan Baginda SAW dengan keadaan yang menggeletar pulang ke rumahnya menemui isterinya Khadijah RA dan meminta diselamatkan. Baginda SAW kemudian menceritakan peristiwa itu kepada isterinya. Sofiyurahman (2015) mengungkap kata-kata Khadijah RA menjawab kepada penceritaan suaminya SAW tadi, “tidak sama sekali, demi Allah, sesungguhnya Allah tidak akan menghinakan engkau, kerana engkau sentiasa menghubungkan pertalian silaturahim, engkau memikul beban kesusahan orang, menolong yang tidak berada, memberi makan tetamu dan berusaha menyelesaikan rintangan dari peminta kebenaran”. Kata-kata lembut dan menenangkan ini hadir dari hati seorang isteri yang kasih dan yakin kepada suaminya SAW. Begitu juga sepanjang awal dakwah Nabi SAW, Khadijah RA adalah insan pertama yang beriman dan memeluk Islam, diikuti Zaid bin Harithah RA, Ali bin Abi Thalib dan juga Abu Bakar as-Siddiq RA dan lainnya. Sepertimana Allah SWT berfirman, iaitu:-

فَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا ءآخَرَ فَتَكُونَ مِنَ الْمُعَذَّبِينَ وَأَنْذِرْ
عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ وَاحْفَظْ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ
الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: *“Maka janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah tuhan yang lain bersama-*

sama Allah, akibatnya engkau akan menjadi dari golongan yang dikenakan azab seksa. Dan berilah peringatan serta amaran kepada kaum kerabatmu yang dekat. Dan hendaklah engkau merendah diri kepada pengikut-pengikutmu dari orang-orang yang beriman.”

Surah Ash-Syû'ara' (26): 213-215

Khadijah RA, sebagai isteri Baginda SAW, senantiasa bersama Nabi SAW di dalam setiap ujian dan pahit awal dakwah Islam di Makkah sehinggalah saat Allah SWT menguji Nabi SAW dengan kewafatan bapa saudara Baginda, Abu Thalib, dan kemudian disusuli kewafatan isteri Baginda SAW, Khadijah al-Khawaliid RA. Kewafatan dua insan istimewa ini berlaku pada tahun yang sama. Sofiyurrahman berpendapat pada tahun ke-10 kenabian SAW. Beliau menambahkan lagi, sesungguhnya Khadijah RA adalah nikmat dan anugerah yang teragung kepada Rasulullah SAW, beliau RA, bersama-sama Rasulullah SAW untuk selama suku abad mencucuri Baginda SAW dengan belaian dan kasih sayang. Sepertimana daripada Aisyah RA, Nabi SAW bersabda, iaitu:-

والله لقد امنت في اذ كفر بي الناس، وآوتني اذ رفضني
الناس، وصدقني اذ كذبني الناس ورزقت مني الولد اذ
حرمتموه مني

Maksudnya: *“Beliau beriman denganku ketika manusia kufur dengan ku, membenarkan daku ketika manusia mendustai daku, berkongsi daku hartanya ketika manusia lain enggan memberi daku, dan Allah mengurniakan darinya anak-anak dan tidak mengurniakan anak dari yang lain.”*

(Musnad Ahmad, No. 24864)

Begitu, Khadijah RA telah memperlihatkan kepentingan keutuhan rumahtangga khususnya sokongan, keyakinan dan pengorbanan seorang isteri membela perjuangan dakwah Islam yang diusahakan oleh Baginda SAW. Institusi keluarga adalah pemacu kepada keberhasilan dakwah kepada masyarakat. Individu-individu penting di dalam sesebuah rumahtangga merangkumi seorang suami juga seorang ayah, yang menggalas seluruh tanggungjawab memberi bimbingan agama, mencari nafkah, memberi keselamatan dan seorang isteri juga seorang ibu yang mengharmonikan ahli keluarganya dengan belaian kasih sayang dan sentiasa mendokong usaha-usaha baik suaminya. Keseluruhan aspek rumahtangga ini, bermula daripada keutamaan pemilihan calon suami dan isteri dan pendekatan sokongan ekonomi yang akan dibincangkan selepas ini.

4.1.1 Pendekatan Pemilihan Calon Suami dan Isteri

Pemilihan calon isteri dan suami adalah proses yang paling awal dan penting bagi membangun rumahtangga Islam. IKRAM, sebagai sebuah organisasi yang besar dan mempunyai lebih dari 10 ribu ahli dari kalangan belia, sangat cakna perihal proses baitul Muslim khususnya ke atas ahli-ahli yang masih bujang. Anjuran serta

keutamaan dalam proses baitul Muslim sejajar dengan kehendak syariat. Allah SWT berfirman, iaitu:-

وَلَأَمَّةٌ مُؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ

Maksudnya: “Seorang hamba wanita beriman itu lebih baik daripada seorang wanita Musyrik walau wanita Musyrik itu menakutkan engkau.”

Surah Al-Baqarah (2): 221

Nabi SAW bersabda, iaitu:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : ” تَنْكُحُ الْمَرْأَةُ لِأَرْبَعٍ : لِمَاهِهَا ، وَلِحَسْبِهَا ، وَجَمَاهِهَا ، وَلِدِينِهَا ، فَاطْفَرُ بِذَاتِ الدِّينِ تَرَبَّتْ يَدَاكَ ،

Maksudnya: “Wanita dinikahi kerana empat perkara: Hartanya, keturunannya, kecantikannya, dan kerana agamanya. Pilihlah wanita yang beragama, jika tidak engkau akan celaka.”

(Sahih Bukhari, No. 5090)

Proses pernikahan, khususnya dari sudut pemilihan bermula daripada pemilihan seorang lelaki ke atas wanita, calon isterinya. Sepertimana yang dinyatakan di dalam nas-nas, pemilihan seorang wanita itu diutamakan dari sudut keagamaannya. Juga disebut pendirian wanita tersebut menjaga ketakwaannya serta menjaga maruahnyanya sepemergian suaminya. Dan begitu juga pemilihan wanita dari sudut kemahirannya mengurus hal rumah, menjaga anak-anaknya dan juga memberi kasih sayang.

Keutamaan di dalam IKRAM adalah agar perkahwinan berlaku antara sesama ahli, ianya kerana, IKRAM yakin dengan usaha panjang dan pengurusan yang baik di dalam pentarbiahan ahlinya, mampu melahirkan ahli-ahlinya dari kalangan lelaki dan wanita yang mempunyai kefahaman dan pengamalan agama yang tinggi serta komited dengan tugas-tugas dakwah secara khususnya. Namun, kerana bilangan ahli lelaki bujang di Kajang, lebih sedikit berbanding wanita bujang, lantas, Unit Temu Jodoh (UTJ) yang membantu memudahkan dan menguruskan baitul Muslim tidak rigid. Menurut Norazian (2020), di antara kekangan UTJ untuk menguruskan keserasian antara calon-calon, ialah kebanyakan ahli wanita tidak mempunyai kawan atau kenalan lelaki. Lantas ini mewujudkan sikap terlalu berhati-hati dan cerewet dari kalangan ahli wanita untuk menerima calon ahli lelaki. Namun begitu, ianya termasuk dari keluasan Islam agar wanita dapat memilih suami yang benar-benar serasi dengannya. Dan menjadi penanda aras bagi wanita IKRAM Kajang, adalah keimanan dan kesolehan seseorang lelaki itu. Norazian menambah lagi, seandainya juga ada pinangan lelaki yang bukan dari keahlian tarbiah IKRAM juga, andai cukup keutamaan agamanya, maka UTJ menyarankan proses perkahwinannya. Ini selaras dengan hadis Nabi SAW, “Wanita dinikahi kerana empat perkara: Hartanya, keturunannya, kecantikannya, dan kerana agamanya.

Pilihlah wanita yang beragama, jika tidak engkau akan celaka.”. Meskipun yang disebut itu adalah untuk wanita, ianya sama erti dengan sifat seorang lelaki. Ini juga disebut dengan pendekatan fiqh al-'Awlawiyah seperti keutamaan kualiti berbanding kuantiti (أولوية الكيف على الكم). Yang dimaksudkan sebagai kualiti, adalah iman dan kesabaran ke atas kuantiti dari sudut ekonomi dan kewangannya.

Manakala bagi ahli lelaki, Rosli (2020) menyatakan bahawa kekangan ahli lelaki adalah pada kemampuan ekonomi dan keluasan kewangan. Khususnya yang menetap di Kajang, Lembah Klang, seseorang individu akan berhadapan dengan keperluan ekonomi yang mendesak, dengan pelbagai yuran, bayaran prasarana kota, dan dalam masa yang sama, perlu menafkahi diri, isteri, anak-anak, ibu ayah yang sudah tua dan tidak lupa komitmen kepada tarbiah dan sumbangan program dakwah. Dan kerana itu, sebahagian dari ahli menangguhkan perkahwinan dan mengutamakan ekonomi dan persiapan kewangan terlebih dahulu. Meskipun keimanan dan ketakwaan meyakinkan kepada rezeki Allah SWT yang luas, namun dari sudut ilmu pengurusan kewangan dan realistik kewangan, perlu juga diambil kira. Nabi SAW juga bersabda dalam memberikan solusi pada perkara ini, iaitu:-

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ يَزِيدَ ، قَالَ : دَخَلْتُ مَعَ عَلْقَمَةَ وَالْأَسْوَدِ
عَلَى عَبْدِ اللَّهِ ، فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ : كُنَّا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ شَبَابًا لَا نَجِدُ شَيْئًا ، فَقَالَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ ، مَنْ اسْتَطَاعَ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ
، فَإِنَّهُ أَغْضُ لِلْبَصْرِ ، وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ
بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ

Maksudnya: “Kami bersama Nabi SAW ketika kami muda, dan kami tidak mempunyai apa-apa (harta), lalu Baginda bersabda: “Wahai anak muda, sesiapa yang daripada kalian berkemampuan untuk al-Baah hendaklah dia berkahwin. Sesungguhnya ia lebih menundukkan pandangan dan memelihara kemaluan. Sesiapa yang tidak mampu, hendaklah dia berpuasa. Sesungguhnya puasa adalah perisai untuknya”.

(Sahih Bukhari, No. 5066)

Meskipun, pada hadis yang lain, pernah Nabi SAW bersabda kepada lelaki yang tiada langsung apa-apa harta sebagai mas kahwin, iaitu:-

هَلْ مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ شَيْءٌ ؟ قَالَ : مَعِيَ سُورَةٌ كَذَا وَسُورَةٌ
كَذَا ، قَالَ : اذْهَبْ فَقَدْ أَنْكَحْتُكَهَا بِمَا مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ

Maksudnya: “Adakah kau ada menghafaz apa-apa daripada al-Quran? Lelaki itu menjawab: “Aku ada

menghafaz surah itu dan ini.” Baginda pun berkata: “Pergilah.” “Sesungguhnya aku telah menikahkan engkau dengannya dengan hafazan al-Quran yang engkau ada”.

(Sahih Bukhari, No. 5132)

Kedua-dua hadis memberi pendapat yang berbeza pada ukuran dan keutamaan yang berbeza kepada setiap sahabat. Khususnya pada ahli yang dapat menahan diri, maka keutamaannya adalah untuk mempersiapkan lagi keimanan, ilmu agama, ilmu rumahtangga dan mengukuhkan ekonomi khususnya mereka yang berada di bandar-bandar besar. Ini sejajar dengan pendekat fiqh al-‘Awlawiyah seperti keutamaan pembelajaran dan perangkaan urusan dunia (أولوية الدراسة والتخطيط الأمور الدنيا) yang termasuk dalam persiapan diri dengan ilmu dan ekonomi yang dapat menampung diri dan keluarga meskipun hidup dalam kesederhanaan. Sesungguhnya, Allah SWT telah berfirman, iaitu:-

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوِّمِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ إِن يَكُنْ عَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا فَلَا تَتَّبِعُوا هَوَىَٰ أَن تَعْدِلُوا وَإِن تَلَوُّا أَوْ تُعْرَضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

Surah Al-Nisa’ (4): 135

Dalam kenyataan ini, persiapan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT daripada ilmu dan kefahaman Islam, adalah menjadi keutamaan untuk menilai calon suami dan calon isteri.

4.1.2 Pendekatan Sokongan Ekonomi Keluarga

Selain dari isu mencari calon suami dan isteri, antara dugaan pasangan suami isteri dan juga sebilangan rumahtangga ahli IKRAM Kajang adalah pada kekangan

ekonomi dan kewangan. Norazian (2020) menjelaskan bahawa terdapat pasangan yang isterinya bekerja untuk menampung keluarga kerana ketidakupayaan suami (kerana sakit). Meskipun Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (2019), pada Seksyen 52. Perintah Untuk Membubarkan Perkahwinan Atau Untuk Fasakh, menyatakana, seseorang perempuan yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan yang berikut, yang diantaranya yang boleh dikaitkan dengan isu rumahtangga ahli ini, ialah,-

- a) Bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh tiga bulan.
- b) Bahawa suami telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh satu tahun.
- c) Bahawa suami telah gila selama tempoh dua tahun atau sedang mengidap penyakit kusta atau vitiligo atau sedang mengidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit.

Namun, ahli-ahli IKRAM khususnya dari kaum wanita senantiasia memberi sokongan moral dan bantuan bulanan, yang sedikit sebanyak membantu menampung keperluan asas rumahtangga tersebut. Sokongan moral, ditampung juga dengan wasilah tarbiah dan ziarah, menguatkan lagi ahli yang diuji ini untuk mengambil keutamaan bersabar dengan ujian dan memikirkan masa depan yang lebih cerah di dunia apatahlagi di akhirat, dalam kesempatan suami isteri ini, tampung-menampung kerana amanah dan kasih sayang, dan juga meneruskan pembinaan zuriat yang soleh di masa hadapan. Allah SWT berfirman, iaitu:-

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا
وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir."

Surah Al-Rūm (30): 21

Sesungguhnya, keutamaan bersabar di dalam rumahtangga melahirkan perasaan kasih sayang dan belas kasihan sesama insan. Dan apatahlagi, dengan kehadiran anak-anak, mereka membawa nikmat dan rezeki yang luas di sisi Allah SWT. Dan rezeki serta nikmat ini tidak hanya fokus kepada kewangan sahaja, tetapi yang utama ialah kesolehan ahli keluarga, kekuatan agama, ketenangan hati hanya kepada Allah SWT, kesihatan badan dan juga perasaan kasih orang kepada ahli keluarga ini. Ini sejajar dengan pendekatan fiqh al-'Awlawiyyah seperti 'keutamaan

amal yang lebih berpanjangan manfaatnya dan yang paling menguntungkan (أولوية) (العَمَلُ الْأَطْوَلُ نَفْعًا وَالْأَبْقَى أَثْرًا) dimana kesabaran sebuah rumahtangga daripada kesefahaman, menjamin manfaat dan kebaikan yang mendatang. Begitu juga, Islam juga tidak menafikan pasangan yang tidak lagi berkesefahaman, dalam isu ini, si suami diharuskan menceraikan isterinya demi maslahat kebebasan dan kesenangan masa depan isteri dan anaknya, pada pendapatnya dan si isteri juga diharuskan menuntut perceraian demi maslahat dirinya dan anaknya dengan keadaan suaminya yang tidak mampu menampung hidup mereka. Allah SWT berfirman, iaitu:-

وَإِنْ يَتَفَرَّقَا يُغْنِ اللَّهُ كُلًّا مِّن سَعَتِهِ وَكَانَ اللَّهُ وَسِعًا

حَكِيمًا

Maksudnya: *“Dan jika keduanya bercerai, maka Allah akan cukupkan (keperluan) masing-masing dari limpah kurniaNya. Dan (ingatlah) Allah Maha Luas limpah kurniaNya, lagi Maha Bijaksana.”*

Surah Al-Nisa’ (4): 130

Justeru, pendekatan ahli wanita IKRAM Kajang dalam menangani isu ini lebih menjuruskan kepada sokongan moral, sokongan semangat serta nasihat-nasihat yang baik dan kedepan tanpa membuat provokasi dan hasutan. Usaha IKRAM Kajang mengimbangi hak masyarakat khususnya ahli IKRAM sendiri daripada hanya mementingkan diri dan nasib keluarga mereka sendiri sejajar dengan pendekatan fiqh al-‘Awlawiyyah seperti keutamaan hak masyarakat ke atas hak individu (أولوية حقوق الجماعة على حقوق لأفراد). Ini kerana, strata ekonomi atau kemewahan dan kestabilan seseorang itu tidak menjamin kepada ketenangan dan keharmonian rumahtangganya. Setiap manusia diuji oleh Allah SWT dengan kadar yang ditetapkan-Nya, bagi melihat kesabaran dan keikhlasan dalam menerima ujian dan nikmat Allah ini.

4.2 Pengurusan Kewangan IKRAM Kajang

Pengurusan kewangan sangat penting bagi kehidupan setiap insan. Ianya juga melibatkan pembangunan masyarakat sehingga pembinaan negara yang maju dan sejahtera. Ahmad Fikri (2014) menyatakan, kelangsungan kehidupan semasa dan masa hadapan merupakan elemen yang diambil kira sebagai kepentingan untuk menguruskan kewangan secara terperinci dan teliti. Hakikat ini diterjemahkan pula kepada kelangsungan interaksi sosial di antara anggota masyarakat, yang mana melalui pengurusan kewangan yang sistematik, dapat menggalakkan kehidupan yang harmoni serta mewujudkan sistem ekonomi yang stabil di dalam sesebuah komuniti sosial di dalam negara kita. Melihat lebih jauh ke hadapan, perkembangan dan pembangunan negara juga memerlukan kepada pengurusan kewangan dan aset yang cekap serta proaktif. Hanya melalui pengurusan dan perancangan kewangan yang sistematik, negara dapat dibangunkan dengan baik dalam memenuhi cita-cita serta impian negara bangsa yang membangun. Sepertimana Allah SWT berfirman, iaitu:-

قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأْبًا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلَيْهِ
إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا تَأْكُلُونَ ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعَ شِدَادٍ يَأْكُلْنَ
مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا تُحْصِنُونَ ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ عَامٌ
فِيهِ يُعَاثُ النَّاسُ وَفِيهِ يَعْصِرُونَ

Maksudnya: "Yusuf menjawab: "Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemaraun yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih). Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)".

Surah Yūsuf (12): 47-49

Kemakmuran dan kelestarian sesebuah negara itu juga berpandukan kepada kekuatan ekonominya bagi menjayakan visi dan misi pemerintah itu. IKRAM diibaratkan sebuah 'kerajaan kecil', tidak lepas daripada melihat kepentingan pengurusan kewangannya juga. Khususnya bagi memacukan agenda dakwah dan tarbiah di Kajang, keluasan kewangan sangat diperlukan bagi menggerakkan program-program dakwah IKRAM Kajang yang lebih khusus membangunkan sahsiah Muslim. Al-Qaradawi (2015) menegaskan kepada harakah Islamiah, dalam nukilannya, "banyak fenomena yang amat menyedihkan apabila anda mengamati keadaan kebanyakan hartawan Muslim, terutama orang-orang yang baik di antara mereka. Mereka lebih mengutamakan pembinaan masjid dan pelbagai institusi agama murni yang seumpunya. Fenomena ini sungguh amat dikesalkan oleh kebanyakan orang-orang yang bergerak dalam dunia dakwah dan pelbagai bidang amal Islam." Justeru, IKRAM Kajang telah mengambil beberapa pendekatan pengurusan kewangan samada format asal daripada Bendahari IKRAM Pusat dan juga inisiatif yang lain.

4.2.1 Jenis-Jenis Keperluan Dana

Merujuk kepada Misi dan Visi dan Matlamat IKRAM yang diantaranya, mengajak dan membimbing masyarakat memahami, menerima dan menghayati Islam sebagai panduan dalam kehidupan peribadi, keluarga, masyarakat dan negara, membudayakan pendekatan perkongsian dan permuafakatan, meninggikan taraf sosioekonomi umat Islam, memupuk keadilan masyarakat dan kesejahteraan sosial serta membanteras kejahilan, kemiskinan dan keruntuhan moral di samping menggalakkan kerja kebajikan tanpa mengira bangsa dan agama. Usaha-usaha ini

dibahagikan kepada institusi-institusi dibawah IKRAM yang semuanya memerlukan peruntukan di peringkat pusat, negeri dan juga kawasan.


Humanitarian Care Malaysia (MyCARE) pada tahun 2019, telah meneruskan kempen MyRamadan bagi mengagihkan bantuan makanan kepada masyarakat Islam yang kurang bernasib baik di 22 buah negara. Sasaran kutipan dana untuk kempen ini adalah sebanyak RM3.5 Juta. Sejak kempen ini diperkenalkan pada 2010, tumpuan utama MyCARE adalah memberi bantuan dan pada peringkat awal, usaha lebih kepada membantu rakyat Palestin dan diperluaskan pada 2014 kepada pelarian Syria, Iraq dan Rohingya. Hafidzi (2019) menerangkan, “antara bantuan yang diperlukan berupa pek makanan serta keperluan asas untuk menjalani ibadah puasa. Negara-negara yang menjadi fokus MyCARE untuk kempen ini termasuk Palestin, Syria serta kem pelarian di Turki, Lubnan, Yaman, Somalia, etnik Rohingya di Bangladesh dan mangsa gempa bumi di Lombok, Indonesia. Kempen ini juga dilaksanakan di Malaysia dengan menyasarkan golongan seperti ibu tunggal, anak yatim dan orang kurang upaya.”

Merujuk kepada pemilihan negara-negara yang diutamakan, MyCARE memfokuskan kepada negara yang majoritinya adalah umat Islam, negara yang sedang bergolak akibat rejim dan diktator yang zalim, negara yang ditimpa bencana alam da juga dari kalangan rakyat setempat. Ini sejajar dengan pendekatan fiqh al-‘Awlawiyyah seperti pendekatan keutamaan amal yang berterusan ke atas amal yang terputus-putus (أولويات العمل الدائم على العمل المنقطع), meskipun kempen ini sempena bulan Ramadan, bantuan dana secara berkala juga disalurkan pada bulan-bulan lain. Konsep ini juga menepati kaedah menolak kerosakan ke atas menarik kemanfaatan , dimana keadaan rakyat dan pelarian dalam kelaparan, kekotoran yang boleh mempengaruhi kesihatan dan juga kebersihan untuk menunaikan ibadah fardu diambil kira sebagai sesuatu yang sangat penting dan utama. Ada sesetengah projek ataupun kempen yang sangat mustahak, derma dan sumbangan kilat diaktifkan di seluruh negara khususnya kepada ahli dan masyarakat umumnya.

Selain program di peringkat pusat, setiap institusi ini juga diaktifkan di peringkat kawasan dari setiap negeri. Justeru pengurusan dana kewangan dilihat secara teliti untuk mengimbangi kelancaran program di peringkat kawasan dan juga pusat. Menurut Katiman (2020), keperluan dana bagi kempen atau projek di peringkat pusat, akan dibahagikan dan diturunkan ke negeri dan kawasan-kawasan mengikut demografi bantuan yang diperlukan, tenaga ahli, dan target capaiannya.

Katiman menerangkan lagi, termasuk dalam perancangan IKRAM di dalam pendidikan, IKRAM Kajang sudahpun mempunyai Sekolah Menengah Islam dan Sekolah Rendah Islam Sri Al-Amin (SMI dan SRI Al-Amin Bangi) yang menjadi pantauan dibawah kawasan IKRAM Kajang khususnya dan IKRAM Bandar Baru Bangi umumnya, namun begitu, sambutan ke atas sekolah-sekolah rangkaian IKRAM MUSLEH sangat pesat, sehingga setiap tahun, kemasukan dan kelulusan permohonan perlu melalui saringan yang terperinci. Sejak tahun 2016, perancangan untuk membina sebuah lagi SMI dan SRI Al-Amin di sekitar Kajang-Semenyih telah bermula. Dan ini memakan kos yang sangat tinggi. Namun perancangan ini

meletakkan keutamaan kepada pendidikan generasi ṣolih wal muṣliḥ di masa hadapan. Ianya sejajar dengan pendekatan fiqh al-‘Awlawiyyah seperti keutamaan amal yang lebih berpanjangan manfaatnya dan yang paling menguntungkan (أولوية (الععمل الأطول نفعاً والأبقى أثراً).



Rajah Struktur Institusi & Agensi Dibawah Pertubuhan IKRAM Malaysia

5. Kesimpulan

IKRAM Kajang sentiasa mengamalkan konsep fiqh al-‘Awlawiyyah. Dalam pengurusan kebajikan rumah tangga ahli IKRAM Kajang, fiqh al-‘Awlawiyyah dilihat dari sudut beberapa pendekatan iaitu, keutamaan kualiti ke atas kuantiti (أولوية الكيف (على الكم) di mana terdapat dua keadaan; yang pertama, adalah kualiti institusi keluarga ahli yang baik meskipun bilangan ahlinya sedikit berbanding ahli yang ramai tetapi terabai dari sudut kualiti kekeluargaan. Yang kedua, keperluan kepada kualiti adalah kerana setiap institusi keluarga ahli IKRAM adalah contoh keluarga Muslim kepada masyarakat Muslim yang lain. Dan khususnya perihal kebajikan juga, keutamaan hak masyarakat ke atas hak individu (أولوية حقوق الجماعة على حقوق لأفراد) dijadikan batu asas ukhawah dan semangat kebersamaan. Tidak dinafikan, setiap ahli mempunyai komitmen dan ujian ekonomi masing-masing. Namun dalam kesusahan dan kepayahan individu, setiap dari ahli tetap menyumbang kepada ahli yang lain.

Dalam pengurusan dana kewangan IKRAM Kajang, fiqh al-‘Awlawiyyah dilihat dari sudut beberapa pendekatan iaitu keutamaan hak masyarakat ke atas hak individu (أولوية حقوق الجماعة على حقوق الافراد) dimana setiap ahli diminta keutamaan masing-masing untuk membuat komitmen sumbangan bulanan secara konsisten meskipun sedikit bagi menampung masalah dakwah untuk ahli dan masyarakat di Kajang. Sepertimana Katiman (2020) menyebut mengenai tanggungjawab ishtirakah itu bukanlah untuk melihat kesungguhan ahli untuk mengutamakan kewangan dana dakwah IKRAM Kajang stabil, malahan ianya lebih dari itu, iaitu, untuk menggalakkan adanya kebersamaan.

Kajian ini memberi naratif dan dapatan yang jelas tentang peri pentingan pengetahuan konsep fiqh al-‘Awlawiyyah serta kaitannya dengan maqāṣid al-Syariah. Tuntutan ini adalah untuk semua orang Islam khususnya pada suami sebagai ketua keluarga, untuk menakhodai bahtera keluarga ke jalan yang benar dan lebih selamat, ketua masyarakat selaku wakil masyarakat agar terjamin keamanan dan keharmonian masyarakat, ketua negara mewakili rakyat, agar *good-governance* sentiasa diamalkan dan juga kepada para ‘asatizadh dan mufti, kerana merekalah menjadi rujukan umat Islam ini, yang mewakili seluruh individu, keluarga, masyarakat, NGO dan juga pentadbiran negara.

Naratif fiqh al-'Awlawiyah kini banyak diseragamkan di dalam SOP (*Standard of Procedure*) di jabatan-jabatan kerajaan dan juga organisasi swasta, namun perlu diperkemas agar ianya merujuk kepada panduan al-Quran dan al-Sunnah. Wallahu'alam.

Rujukan

Al-Badawiy. Yusuf Ahmad. 1999. *Maqāsid al-Shari'ah* fnda 'Ibnu Taimiyah. Yordania: Dar al-Nafais.

Atikullah Abdullah. 2010. Konsep Dan Ciri-Ciri Fiqh Lestari: Ke Arah Mengarusperdanakan Fiqh Dalam Kehidupan Masyarakat. *Jurnal Syariah*. 18(3).

Ahmad Fikri Mohd Paudzi. 2014. Pengurusan Kewangan Menurut Perspektif Islam. <https://muis.org.my/2014/04/pengurusan-kewangan-menurut-perspektif-islam/>. April 16.

Al-Maany. 2020. al-'Awla. <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-en/%D8%A7%D9%88%D9%84%D9%89/>.

_____. 2020. Tamhidi. <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-en/%D8%AA%D9%85%D9%87%D9%8A%D8%AF%D9%8A/>

Al-Syatibi, Abu Ishaq. (t.t). *Al-Muwafaqāt Fi 'Ūsul al-Syari'ah*. Beirut: Darul Ma'arifah.

Abdul Karim Zaidan. 1969. *Al-Madkhal li Dirāsat al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Baghdad: Mathba'atul 'Ani.

_____. 1987. *al-Wajiz fi Ūsul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah Qurtubah.

Abdullah Nasih Ulwan. 1994. *Sehingga Para Pemuda Mengerti*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.

Fahmi Abdul Khir. 2010. Fiqh al-Awlawiyat, Konsep Serta Aplikasi Masa Kini. Seminar Fiqh al-'Awlawiyah (Keutamaan) Dalam Mendepani Isu Semasa Umat Islam. 10 April.

Fatmir Shehu. 2017. Methodology of Prophetic Da'wah and Its Relevance to the Contemporary Global Society. *Journal of Education and Social Sciences*, Vol. 6, February.

Hasan al-Banna. 1998. *Majmū'ah Rasā'il al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna*. Iskandariah: Darul Da'wah.

Hafidzi Mohd Noor. 2019. MyRamadan: MyCARE Sasar Kutip Dana RM3.5 Juta. <https://ikram.org.my/berita/item/3696-myramadan-mycare-sasar-kutip-dana-rm3-5-juta.html>. Mei 8.

IKRAM. 2019. MyRamadan: MyCARE Sasar Kutip Dana RM3.5 Juta. <https://ikram.org.my/berita/item/3696-myramadan-mycare-sasar-kutip-dana-rm3-5-juta.html>. Mei 8.

_____. 2010. Pengenalan. <https://www.ikram.org.my/berita-2/pengenalan.html>. March 4.

_____. 2010. Hak dan Kewajipan Ahli. <https://ikram.org.my/keahlian/hak-dan-kewajipan-ahli.html>. 27 Oktober.

Imam al-Ghazali, al-Imam Abi Hamid Muhammad Bin Muhammad al-Ghazali. 1987. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Cairo: Dar al-Rayyan Li Thurath.

Ibnu Kathir, Abi al-Fida' Ismail bin Umar. 2004. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Riyadh: Dar al-Salam.

Jasiman. 2009. *Syarah Rasmul Bayan Tarbiyah*. Surakarta: Aulia Press. Hlm. 289.

JAKIM. (t.t). Huraian Aplikasi 5 Prinsip Maqāṣid Syarīah Dalam Tabir Urus. <http://www.islam.gov.my/bahagian-maqāṣid-Syarīah/1181-prinsip-maqāṣid-Syarīah>.

_____. 2010. *Panduan Qiamullail*. Selangor: JAKIM.

Kamus Dewan Edisi Kedua. t.t. Tarbiah. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tarbiah>.

Kamus Dewan Edisi Keempat. 2010. *Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 305.

_____. t.t. *Pornografi*. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pornografi>

Katiman bin Rostam. 2020. *Aplikasi Fiqh al-'Awlawiyyah Dalam Pengurusan Kewangan dan Dana Program IKRAM Kajang*. Kajang. Temu Bual. 18 April.

Mohamad Ismail Mohd Yunus. 2011. *Maqāṣid Al-Syarīah*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.

Muhammad Abdullah al-Khatib. 1990. *Nazarat Fi Risālah al-Tālim*. Kaherah: Darul Tawzi' wa Nash al-Islamiah.

Mounir Baalbaki & Rohi Baalbaki. 2008. *Al-Mawrid Al-Quareeb*. Lubnan: Dar El-Ilm Lilmalayin. Hlm. 307, 308 & 61

Muhammad Haikal Mohd Hedzir. 2018. *Pemahaman Konsep Rahmah Dalam Isu Masyarakat Majmuk di Malaysia: Analisis Pendirian Gerakan Dakwah IKRAM dan ISMA*. *Jurnal Hadhari* 10 (2), Mkst 243-257.

Muhsthafa al-Bugha & Mushthafa al-Khann. 2008. *Fikih Manhaji Jilid 2*. Yokjakarta: Darul Uswah.

Muhammad Abdul Rahman al-Mursi Ramadan. 2014. *Manhaj al-Iṣlah, Dirāsāt fi Rasāilil Iman al-Banna*. Solo, Indonesia: Era Intermedia.

Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buthy. 2005. *Sirah Nabawiyah Kajian Mendalam Manhaj Gerakan Islam Pada Masa Rasulullah SAW*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn Bhd.

Musleh. Dari Meja Pengerusi.
<http://www.musleh.edu.my/index.php/profail/daripejabatpengerusi>.

Muhammad Shafi. 2011. *Ma'ariful-Qur'an*. Maktaba Darul Uloom: Karachi.

Nur Inani Ismail. 2019. Analisis Epistemologi Islam dalam Fiqh Keutamaan. *Jurnal Kesultanan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol. 6, Bil. 1, 23 Mei.

Norazian binti Ariffin. 2020. Aplikasi Fiqh al-'Awlawiyyah Dalam Pengurusan Kebajikan Ahli dan Hal Ehwal Rumahtangga Ahli. *Kajang. Temu Bual*. 16 April.

Rosli Mat Ali. 2020. Aplikasi Fiqh al-'Awlawiyyah Dalam Pengurusan Kebajikan Ahli dan Baitul Muslim Kluster Pemuda. *Kajang. Temu Bual*. 16 April.

Sofiyyurahman al-Mubarakfuri. 2015. *Ar-Raheeq al-Makhtum*. Terj. Mohd Darus Senawi. Bangi: Pustaka Buku Putih.

Sayyid Qutb. 2010. *Tafsir Fi Zilalil Quran Jil. 4 & 10*. Terj. Yusoff Zaky. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.

Yusuf al-Qaradawi. 1996. *Fi Fiqh al-'Awlawiyyah wa Dirasah Jadidah fi Ḍau'i al-Qur'an wa sunnah*. Kaherah: Maktab al-Wahbah.

_____. 2013. *Malāmih al-Mujtama' al-Muslim*. Surakarta: Era Adicitra Intermedia.

_____. 1999. *Kaifa Nata'amal Māa al-Qur'an*. Kaherah: Darussyuruq.

_____. 2015. *Fiqh Keutamaan, Agenda-Agenda Utama Harakah Islam Pada Masa Yang Akan Datang*. Bandar Baru Bangi, Selangor: Syabab Publishing. Hlm. 31.